

# ANALISIS KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM PENDIDIKAN ISLAM

(*Analysis of Thinking Skill in Islamic Education*)

ISMAIL ABAS\*

## ABSTRAK

*Kertas Kerja ini meninjau secara deskriptif konsep dan proses berfikir dalam tradisi ilmu Islam. Asas dalam kemahiran berfikir ialah Al-Quran dan Assunnah. Dalam usaha membentuk generasi pelajar yang seimbang dan harmonis, bidang kognitif (intelek), afektif (emosi) dan psikomotor (jasmani) perlu diberi penekanan yang seimbang dalam pendidikan. Masalah cabaran globalisasi dunia menuntut perubahan dalam pendekatan berfikir agar mengatasi cabaran-cabaran yang terhasil dari proses globalisasi dunia khasnya dalam pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam. penekanan utama dalam bidang kognitif perlu diberikan kepada aspek pengembangan minda pelajar iaitu kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan bersistematis. Objektif kajian adalah (i) Konsep alfikr dan kedudukannya yang strategik dalam Islam. (ii) Potensi semula jadi manusia untuk berfikir dan berkонтemplasi (iii) bagaimana individu dapat melatih nafsu (hawa) supaya tunduk dan akur kepada arahan akal dan ilmunya, untuk mencapai kecemerlangan berfikir atau hikmah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menguasai kemahiran berfikir berupaya untuk menerokai ilmu iaitu (i) ilmu dunia dan akhirat (ii) melakukan adaptasi, modifikasi dan inovasi dalam menangani perubahan dan menghadapi cabaran antaranya cabaran akidah dan akhlak. Guru tiada pilihan kecuali meningkatkan keupayaan kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran dan penilaian yang berkesan bagi membentuk generasi pelajar insan soleh berfikiran kelas pertama dalam Abad 21.*

*Kata Kunci : Berfikir; Pendidikan Islam; inovasi; Pelajar; Guru.*

## ABSTRACT

*This paper reviews descriptively the concepts and processes of thinking in the Islamic knowledge tradition. The basis of thinking skills is the al-Quran and As-Sunnah. In the effort to shape a balanced and harmonious generation, cognitive (intellectual), affective (emotional) and psychomotor (physical) areas need to be given a balanced emphasis in education. World globalization challenges demand changes in the thinking approach to overcome the obstacles derived from the globalization processes especially in the learning and teaching of Islamic education. The key emphasis in cognitive areas should be given to the development of students' mindset which revolves around the critical, creative and systematic thinking skills. The objectives of the study are (i) the concept of alfikr and its strategic position in Islam; (ii) human natural potential to think and contemplate; and (iii) how individuals can train their lust to submit and obey to the intellect and knowledge; in order to achieve excellence in thinking or wisdom. The study findings show that students who master the thinking skills are able to explore the knowledge of (i)*

*worldly knowledge and the hereafter; (ii) adapt, modify and innovate in addressing changes and facing challenges including the challenges of faith and morals. Teachers have no choice but to enhance their creativity and innovation capabilities in effective learning and assessment to shape the first-class minded student generation in the 21st century.*

*Keywords:* Thinking; Islamic Education; Innovation; Students; Teachers.

## PENGENALAN

Dalam usaha melahirkan generasi yang seimbang dan harmonis, bidang kognitif (intelek), afektif (emosi) dan psikomotor (jasmani) perlu diberi penekanan yang seimbang di dalam pendidikan (al-Nahlawi 1983; al-Jumbalati 1994; Hassan Langgulung 1998). Dalam bidang kognitif, aspek yang perlu diberi penekanan utama ialah aspek pengembangan minda pelajar iaitu kemahiran berfikir secara logik, kritis, kreatif dan bersistematis (Syalaby 1981; al Nahlawi 1983, al-Qaradawi 1998). Ini disebabkan pelajar yang menguasai kemahiran berfikir berupaya untuk melakukan perkara-perkara berikut:

- a. Menerokai ilmu iaitu ilmu dunia dan akhirat.
- b. Membuat adaptasi, modifikasi dan inovasi dalam menghadapi atau menangani perubahan dan cabaran.

Kertas ini menganalisis konsep kemahiran berfikir dalam pembelajaran Pendidikan Islam/

## KAJIAN LITERATUR

### Konsep Berfikir Menurut Al-Quran dan Kajian Ulama

Istilah Arab “*alfikr*” merujuk kepada aktiviti penggunaan akal atau minda manusia dalam konteks untuk mengenal, memahami dan menyelesaikan sesuatu perkara yang logikal dan rasional (al-Mu’jam al-Falasafi 1973). Aktiviti tersebut juga dikenali sebagai operasi “berfikir” yang boleh membentuk konsep, pendapat, pandangan, buah fikiran, idea atau ilmu mengenai sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya mengenai fikrah. Maka istilah fikrah berkait rapat dengan istilah ilmu *knowledge*, lantaran pemikir yang mempunyai fikrah tentang sesuatu perkara, sebenarnya berilmu mengenai perkara tersebut. Justeru itu, manusia yang “*berfikir*” akan menguasai ilmu tersebut dan dapat memanfaatkannya secara maksimum.

Di dalam al-Qur'an terkandung ayat-ayat yang menjelaskan tentang menggalakan manusia menggunakan akal untuk berfikir. Sungguhpun tidak diperincikan tentang bagaimana cara manusia harus berfikir, mungkin kerana manusia telah dibekalkan kebolehan tersebut secara tabii. Walaupun demikian al-Qur'an menggariskan beberapa bidang asas yang perlu dijadikan sasaran objek berfikir:

1. Berfikir tentang ciptaan Allah (al-Qur'an, 3:191) iaitu merenung ciptaan langit, bumi dan seluruh alam semesta yang sudah pasti akan memberi kesedaran tentang penciptaan Allah.
2. Berfikir tentang tanda-tanda (ayat dan *amthal*) atau fenomena alam misalnya hujan, banjir, gempa bumi, pengantian siang dan malam dan sebagainya yang dimanifestasikan kewujudan dan sekali gus kekuasaan Allah SWT. (al-Qur'an, 2:219, 266, 10:24, 13:3, 45:13, 59:21).

Fenomena alam yang disingkapkan Al-Quran adalah alam diri manusia dan alam semesta. Al-Quran berulang kali menyebutkan fenomena manusia dan alam ini dengan gaya bahasa yang berlainan dan cara yang berbagai-bagai agar ianya memberi berkesan kepada hati dan jiwa manusia (al Quran 39: 21;95: 4). Proses berfikir yang diperintahkan Allah SWT ialah menggunakan kekuatan akal dan daya taakulan untuk berfikir ke arah sesuatu yang direndai Allah SW dengan melihat tanda-tanda kebesaran Allah SWT, kemudian melakukan kajian dan penyelidikan berdasarkan jiwa tadabbur yang tinggi bagi melahirkan suatu hasil pemikiran yang mendekatkan manusia dengan pencipta-Nya. Dalam erti kata yang lain, menghubungkan proses dan hasil pemikiran selari dengan pedoman dan petunjuk Allah SWT.(al-Quran 2: 44; 3: 190-191; 4:82; 7:3)

Berhubung dengan persoalan kenapa manusia perlu berfikir? Para failasuf Muslim umumnya berpendapat, bahawa berfikir itu natijahnya berilmu, bukan sahaja boleh mengikis kejahilan, kejumudan dan kemunduran umat manusia, tetapi juga membolehkan manusia mencapai “kebahagiaan” (*Assadah*) yang hakiki. Oleh sebab itu, al-Qur'an (7:179) menyamatarafkan kalangan yang enggan berfikir dengan binatang ternakan; kerana binatang ternakan dibekalkan dengan unsur keduniaan sahaja. Begitujuga dengan penciptaan malaikat dibekalkan dengan unsur kerohanian sahaja, manakala manusia di bekalkan dengan kedua-duanya sekaligus. Ini membolehkan manusia *berfikir* dan *berfungsi* secara serentak sebagai khalifah Allah di muka bumi.(al-Razi1968)

Dalam kitab “ *Mukasyafat Al-Qulub*” karangan al-Imam al-Ghazali (1972) mengenai galakan berfikir hendaklah bersesuaian dengan tempat dan kemampuan. Gesaan dan perintah ini terdapat di dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Berfikirlah (dengan pengamatan sepenuhnya) tentang penciptaan Allah dan jangan berfikir tentang zat Allah SWT,kerana kamu tidak berkuasa tentang qadarNya”

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah RA, beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW menangis , dan baginda SAW bersabda:

“Celakalah bagi sesiapa yang membacanya (al-Quran) ,walhal ia tidak berfikir (secara teliti) isi kandunganya”.

Kemahiran berfikir dalam Islam diuraikan oleh Al-Alwani(2009) dengan menyatakan bahawa kemahiran berfikir hendaklah menggunakan kerangka berfikir yang berdasarkan kepada Al-Quran dan Al-Hadis, merangkumi kemahiran-kemahiran taakul yang khusus dan merangkumi keupayaan memahami dengan jitu, keupayaan menggarap dan menguasai nilai-nilai

transcendent (kebolehan luar biasa), merumuskan kesimpulan yang betul, merealisasikan idea dengan bijaksana dan berjaya, berhujah dan mematahkan hujah lawan, keupayaan menerima pandangan yang berbeza, keupayaan untuk melindungi warisan luhur dan keupayaan untuk menerima idea atau gagasan baru yang membina, menganalisis idea dengan bijaksana dan berjaya. Dalam kehidupan manusia terdapat pula persoalan yang beraneka ragam yang cara penyelesaiannya tidak disebut secara terperinci dalam nas Al-Quran dan Al-Hadis; Nas hanya memberi gambaran umum. Dalam hal ini, manusia yang berakal dituntut menggunakan akal, kesanggupan, kemampuan ijihad untuk mencapai dan menemui cara penyelesaiannya. (Al-Quran 67: 15; Al-Najjar 1997).

“Dan jiwa (nafs) serta penyempurnaan (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa (jalan) kefasikan dan ketakwaan. Sesungguhnya berjayalah (berbahagialah) orang yang mensucikan jiwa dan rugilah orang yang mengotorinya” (al-Quran, 91: 71)

Berpandukan ayat di atas, Miskawayh (M. 1030), pemikir Muslim yang dianggap sempurna (kamil) oleh tokoh-tokoh ulung sezaman dan selepas beliau seperti al-Sijistani (M. 1001) dan al-Tusi (M. 1274), berpendapat bahawa, Jika Plato gagal menentukan sama ada al nafs (jiwa) itu satu atau tiga, Miskawayh berpendapat bahawa ia adalah satu entiti sahaja tetapi mempunyai tiga kekuatan (*quwwa*) yang berlawanan: kekuatan syahwat (*shahawiyah*), kekuatan marah (*ghadabiyah*), dan kekuatan rasional (*natiqa*). Jadi status kecemerlangan manusia berbeza mengikut kekuatan daya fikir jiwa yang menguasai mereka. Manusia yang dikuasai oleh kekuatan rasional menyerupai malaikat, sementara manusia yang dikuasai oleh Kekuatan Syahwat dan Kekuatan Marah, kedua-dua kekuatan ini dikenali juga sebagai nafsu (hawa), menyerupai sikap babi dan singa. Al-Qur'an meletakkan darjah manusia hingga melebihi martabat para malaikat disebabkan akal dan ilmu yang dikuasai dengan menggunakan akal. Al-Qur'an juga membandingkan kalangan yang tidak menggunakan akal dengan binatang ternakan.

Strategi berfikir cemerlang atau bagaimana manusia dapat melatih nafsu (hawa) supaya tunduk dan akur kepada arahan akal dan ilmunya, agar kecemerlangan berfikir atau hikmah (al-Qur'an, 2:269) dan objektif utamanya, iaitu kebahagiaan (*as saadah*) dan kejayaan (*alfalah*) (al-Qur'an, 11:108, 87:14, 91:9) dapat direalisasikan oleh manusia. Inilah matlamat tertinggi kecemerlangan berfikir menurut tokoh-tokoh pemikir agung seperti Miskawayh (m. 1030) dan al-Ghazali (m. 1111) dan di peringkat inilah manusia mencapai kesempurnaan darjah *insaniahnya* (kamil).

Menurut Miskawayh, metod berfikir cemerlang dalam perspektif Islam adalah merujuk kepada cara bagaimana manusia dapat menundukkan nafsu di bawah arahan akal. Dalam pengertian, bagaimana Kekuatan Syahwat dan Kekuatan Marah (hati) dapat dirasional dan diakalkan. Proses ini digelar oleh Miskawayh sebagai jihad melawan nafsu. Di peringkat awal jihad, manusia mesti memperkuatkan kemampuan daya fikir akalnya dengan menguasai pelbagai disiplin ilmu, kerana kekuatan akal berapa pada ilmu. Akal yang berilmu sahaja akan mampu mengawal serta bertindak balas terhadap Kekuatan Marah kerana ia bersifat menerima dan tunduk terhadap latihan pendidikan. Setelah Kekuatan Marah didisiplinkan, ianya boleh digunakan untuk melemah dan mengawal Kekuatan Nafsu.

Dengan demikian, manusia sempurna adalah manusia yang mengawal nafsu bukan dikawal oleh nafsu. Mereka inilah golongan pemikir yang ulung dan sebenarnya. Calon Syurga Allah dan penerima anugerah kecemerlangan berfikir bergelar “hikmah”. Dengan hikmah, tegas Miskawayh, mereka boleh menyingkap sistem keimanan mereka, mampu bertindak dengan tepat dan betul dan tidak ada sesuatu pun daripada ilmu yang bermanfaat terlepas daripada pengetahuan minda mereka.

Dalam Kamus Mu’jam al-Wasit, menyatakan ilmu ialah “Pencapaian sesuatu hakikat” atau disebut juga *al-ilm al-yaqin*. Ilmu juga diibaratkan cahaya (nur) yang dianugerahkan Allah ke dalam hati sanubari sesiapa yang dikehendaki-Nya atau disebut juga ‘ilm al-ma’rifah. Di dalam al-Qur'an terdapat kira-kira lima puluh ayat yang menyebutkan perkataan “nur” (cahaya) dan “munir” (yang bercahaya). Di antaranya, firman Allah yang bermaksud: “sesiapa yang tidak diberi cahaya oleh Allah nescaya dia tanpa cahaya sedikit pun” (al- Quran 24: 40).

### Aplikasi Konsep Berfikir antara Islam dan Barat

Kebebasan berfikir merupakan suatu kebolehan kognitif yang istimewa, tetapi ia tidak dapat mendatangkan faedah kepada manusia jika tidak berasaskan panduan dari Al-Quran dan hadis. Dengan erti kata yang lain, kebebasan berfikir hanya bermakna jika dibina berteraskan kepada penilaian Al-Quran dan hadis, kebebasan pemikiran yang berasaskan perspektif barat iaitu menghubungkan akal dengan asas-asas yang rasional, logik, kritikal, analitik, strategik dan lain-lain pendekatan empiris, tidak akan memberikan sebarang makna sekiranya tidak dipandu oleh nilai yang menjadi pedoman hubungan antara manusia dengan Allah SWT. Sebaliknya ia merupakan sesuatu menifestasi krisis kognitif yang dihadapi oleh manusia sekular. Berfikir bukan hanya suatu kemahiran, tetapi merupakan jalan menuju kepada kebenaran yang diridai Allah (Nik Azis Nik Pa1990; al-Qaradawi 2019)

Kebebasan penggunaan akal dalam Islam tiada batasan ditentukan, hanya dilarang keras penggunaan akal dalam dua perkara iaitu :-

1. Memikirkan atau menghalusi Zat Allah SWT kerana ZatNya, tidak akan dapat diterokai oleh akal fikiran manusia.
2. Memikirkan atau merancang untuk propaganda melemahkan agama Islam, merendahkan budi pekerti dan sebagainya kerana hal tersebut menyebabkan penafian terhadap Tuhan iaitu fahaman atheisma.

Para sarjana Islam iaitu Ibn Shahnu, Ibn Sina, al-Qabisi, Imam al-Ghazali, Ibn Khaldūn, al-Tahtawi dan sebagainya berpendapat bahawa pendekatan dalam pendidikan perlulah bermula dari yang senang sehingga kepada yang sukar, supaya manusia mampu menggunakan akal yang telah diberikan oleh Allah SWT dengan sebaik mungkin. Justeru itu, pada dasarnya pemikiran kritis, kreatif yang telah diasaskan penggunaannya oleh sarjana Islam silam seperti model *malakat* oleh Ibn Khaldūn bermula dengan penggunaan pacaindera yang lima dan disokong oleh penggunaan akal secara tajribi, nażari, tasawwur dan tasdiq. Peringkat *nażari*

ini membentuk pemikiran manusia menggunakan akal pentaakulan yang akhirnya akan menghasilkan kebenaran terhadap ilmu tersebut.

Imam al-Ghazali 505H merupakan murid kepada Imam al-Juwainī telah mengembangkan teori guru beliau melalui kitabnya *al-Mustashfa*. Beliau telah menyusun semula *ad-daruriyyat* yang telah dijelaskan oleh al-Juwainī, kepada lima perkara iaitu memelihara agama (*hifz al-din*), memelihara jiwa (*hifz al-nafs*), memelihara akal (*hifz al-'aql*), memelihara keturunan (*hifz al-nasl*) dan memelihara harta (*hifz al-mal*) yang dikenali sebagai *al-kulliyat al-khams*.

Imam al-Ghazali menyimpulkan *maqāṣid al-shari‘ah* dengan istilah *maṣlaḥah* iaitu menyatakan sesuatu bertujuan untuk memelihara *uṣūl al-khamsah* (*kulliyat al-khams*) adalah *maṣlaḥah*, dan apa jua yang menyebabkan hilangnya *uṣūl al-khamsah* merupakan *mafsadah*. Seterusnya, Imam Ghazali juga membentuk *al-maqāṣid al-juziyyah* dan *al-kulliyah* yang kemudian telah dikembangkan oleh al-Shatibi di dalam kitabnya *al-muwāfaqāt*.

Imam As-Syatibi 790 H yang menyusun semula ilmu *maqāṣid al-shari‘ah*, hasil dari pelbagai teori yang diadaptasi dari Imam al-Ghazali dan penulisan para ulama al-Syafi'iyyah dalam kitabnya *al-muwāfaqāt*. As-Syatibi menghujah bahawa kepastian (*al-qat'iyyah*) proses kajian mendalam (*al-istiqra'* atau induktif) yang beliau guna bagi merumus *maqāṣid* adalah berdasarkan dalil-dalil yang beliau aplikasikan. Ini menunjukkan, bahawa kaedah *al-istiqra'* atau induktif telah digunakan oleh sarjana Islam silam bagi menyelesaikan permasalah yang berlaku di kalangan umat Islam. Kaedah ini merupakan salah satu daripada kaedah penggunaan pemikiran secara kritis dan kreatif bagi menghasilkan sesuatu kaedah baru yang akhirnya dapat menyelesaikan sesuatu masalah hukum yang timbul.

Jelasnya, banyak nas al-Quran al-Karim, al-Hadis an-Nabawi dan pendapat-pendapat ulama Islam yang menyarankan umat manusia supaya memaksimakan penggunaan akal dan minda supaya mereka dapat mengenali Pencipta mereka. Ini adalah tujuan terpenting daripada anugerah atau keistemewaan akal kepada manusia. Manusia perlu menggunakan akal untuk mengenali diri dan ciptaan-ciptaan Tuhan yang lain. Pengenalan dan pemerhatian diri dan ciptaan-ciptaan Allah dan diri manusia merupakan proses manusia mengenali Penciptanya.

### Ijtihad adalah Proses Berfikir

Proses berfikir dalam Islam yang dimaksudkan adalah ijtihad, bukan Agama Islam itu sendiri sebab agama bukanlah pemikiran atau falsafah. Ia adalah agama yang diwahyukan Allah (Al-Hujurat: 14). Ijtihad atau proses berfikir dalam Islam tidak boleh dilakukan pada masalah-masalah yang sudah ada ketentuannya dalam Al-Quran atau hadis secara muktamad (*qat'i*) (Al-Maturidi,tt; Al-Baghdadi 1981). Ijtihad hanya pada masalah-masalah yang belum ada ketentuannya secara pasti dalam dua sumber utama hukum Islam iaitu Al-Quran atau al-Hadis (Al-Quran 67: 15; Al-Qaradawi 1998). Tidak syak lagi pada setiap zaman ada permasalahan yang lahir dari persekitaran dan tempat disebabkan oleh perubahan masa (Al-Alwani 1995; Al-Qaradawi 1998). Oleh itu proses berfikir dalam Islam pada setiap zaman adalah untuk memahami segala perbuatan dan

konflik, tetapi pemahaman itu harus berlaku dalam bentuk dasar, kaedah dan tujuan memperkembangkan Agama Islam (Sabiq 1998; Al-Zarnuji 1948).

Oleh itu, aktiviti berfikir berfungsi sebagai perantara ke arah matlamat tertinggi hidup manusia, iaitu “kebahagian” dimana istilah “kejayaan” atau *al-falah* juga sering disinonimkan dengan “kebahagiaan”. Sekalipun pada dasarnya pemikir-pemikir Muslim bersetuju dengan tiga aspek dominan teori kebahagiaan Aristotle: Pertama, kebahagian di luar diri manusia seperti harta, kedudukan, kemuliaan dan pangkat; kedua, kebahagian fizikal seperti sihat, kuat, tampa dan segak; dan ketiga, kebahagiaan kejiwaan seperti pintar, berani, sabar dan adil. Berpandukan al-Qur'an (11:105,108), pemikir-pemikir Muslim seperti Miskawayh (M. 1030) dan al-Ghazali (M. 1111), mengemaskinikan konsep dan skop kebahagiaan tersebut dengan menambah satu lagi aspek kebahagiaan, iaitu kebahagiaan ukhrawi, sebagai matlamat hidup manusia sebenarnya dan abadi, tetapi gagal disebut oleh Aristotle.

Kamus al-Mu'jam al-Wasit juga mengatakan bahawa ilmu “adalah penghasilan menyeluruh (*kulli*) secara tersusun (*murakkab*), atau himpunan segala masalah dan prinsip dalam satu kesatuan disiplin ilmu, seperti ilmu al-kalam, ilmu tatabahasa, geologi, ilmu astronomi dan arkeologi. Persoalannya di sini, adakah kedua-dua ilmu itu wujud secara terpisah di dalam bidang-bidang yang berasingan? Contohnya, adakah ilmu-ilmu agama seperti fiqh, tauhid, tasawuf atau seumpamanya dipelajari menerusi wahyu, dan ilmu-ilmu berbentuk empirical seperti sains, geografi, sejarah dan perubatan dipelajari menerusi akal dan pancaindera sahaja? Atau, adakah pandangan ini hanya sekadar memberi makna bahawa ilmu itu mempunyai dua unsur: rohani dan jasmani atau ilmu unggul dan tidak unggul?. Persoalan ini, telah dijawab oleh penyusun Kamus Mu'jam al-Wasit dengan memberikan perbezaan yang nyata antara ilmu unggul yang diistilah sebagai “ilm” dan yang tidak unggul sebagai “ma'rifah”. Perbezaan yang jelas di antara ilmu dan ma'rifah ialah ilmu atau ilmu unggul terbahagi dua jenis : yang bersifat cahaya, dianugerahkan Allah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan ilmu yang berdasarkan pendidikan, iaitu “Penghasilan secara menyeluruh (*kulli*) dan tersusun atau bersistem , melalui wahyu atau latihan mental dan jasmani. Ma'rifah atau ilmu tidak unggul ialah “Pengetahuan umum yang diperoleh melalui pancaindera dan deria semata-mata atau cara-cara lain yang bersifat empirikal.

### Perbandingan Kemahiran Berfikir Menurut Islam dan Barat

Pemikiran Islam berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad dalam melaksanakan segala aktiviti . Pemikiran barat adalah bersifat logikal dan tidak mengikut mana-mana pengangan. Walaupun mereka ada pegangan agama seperti kitab bible tetapi mereka tidak mengikut pegangan tersebut. Pemikiran barat mementingkan kejayaan dunia atau bercorak modenisasi sahaja. Manakala pemikiran Islam mementingkan keseimbangan di antara dunia dan akhirat iaitu, kemajuan diperlukan dalam dunia dan tidak meninggalkan kepentingan akhirat dengan melakukan perintah Allah S.W.T. Mementingkan keseimbangan dunia dan ukhrawi. Pemikiran Islam mementingkan keseimbangan dunia dan ukhrawi kerana ini merupakan suruhan agama. Pemikiran Islam amat mementingkan perkara ini kerana keseimbangan amalan dunia dan ukhrawi akan menentukan kebahagiaan dan kejayaan manusia di dunia dan di akhirat.

Tetapi pemikiran Barat hanya berlandaskan duniawi semata-mata. Apa yang dilakukan hanya untuk kejayaan di dunia sahaja. Menerima kesepakatan pemikiran. Pemikiran barat tidak mementingkan kesepakatan pemikiran terhadap sesuatu masalah atau perkara. Hal ini berbeza dengan pemikiran Islam yang amat menekankan kesepakatan pemikiran dalam menyelesaikan masalah atau sesuatu hukum melalui konsep *ijtihad* dan musyawarah persamaan. Menyelesaikan masalah; Pemikir daripada Barat dan Islam banyak mengatakan bahawa pemikiran adalah satu proses penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Hal ini demikian, setiap manusia tidak boleh lari daripada masalah konflik. Oleh itu, pemikir-pemikir tersebut telah menggariskan panduan bagaimana untuk menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan dan mudah. Meningkatkan tamadun: Pemikiran Islam dan Barat adalah bertujuan untuk memajukan dan meningkatkan kemajuan diri dan masyarakat seterusnya boleh memajukan negara atau sesebuah tamadun. Mereka banyak mengetengahkan pemikirannya yang menjurus kepada kemajuan bagi meningkatkan ketamadunan sesebuah kaum.

- Mewujudkan semangat inkuiiri: Kesan daripada pemikiran kreatif dan kritis, menjadikan individu mempunyai semangat ingin tahu yang tinggi. Semangat ingin tahu penting bagi penerokaan benda baru atau penciptaan sesuatu yang baru bagi memudahkan kehidupan manusia.
- Melahirkan pemikir yang berkelas tinggi: Pemikir yang berkelas tinggi ialah pemikir yang mampu untuk berfikir bagaimana cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih berkesan. Selain itu, pemikir berkelas tinggi mampu untuk melaksanakan tugas atau amanah yang diberikan dengan sebaiknya.
- Mementingkan keharmonian sejagat: Pemikiran mestilah bersifat positif untuk mejaga keharmonian sesama manusia. Setiap pemikiran tersebut ada yang menggariskan panduan kehidupan yang harus dipatuhi oleh manusia agar mewujudkan keamanan sejagat. Miskawayh, t.t ; Subhan 2013; AlAttas 1999)

Dari perbincangan yang dikemukakan, maka sudah pasti terdapat perbezaan persepsi antara Islam dengan Barat mengenai peranan akal sebagai sumber kemahiran berfikir. Menurut perspektif Islam, berfikir bukan sahaja bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan sebagaimana yang dicanangkan oleh Barat, tetapi berfikir merupakan satu elemen penting dalam mencari ilmu bagi mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, sesuai manusia sebagai hamba Allah SWT dan khalifah Allah SWT di alam ini.

Dalam Islam, akal merupakan sumber pemikiran yang mempunyai kemampuan dan kebebasan yang terbatas khususnya tentang perkara-perkara *sam'iyat* (perkara-perkara ghaib) seperti syurga, neraka, alam barzakh, adanya *siratha al-mustaqim*, alam roh dan sebagainya. Disebabkan kelemahan tersebut, akal perlu panduan dan bimbingan dari wahyu Ilahi yang bersifat hakiki dan sudah pasti tidak akan sesat.

Barat melihat kebijaksanaan dan kepandaian pemikiran akal manusia adalah segala – galanya di dalam kehidupan ini tanpa perlu kepada bimbingan dan panduan agama. Implikasinya, manusia akan menjadi ego,lupa diri dan sesat dalam keintelektualan berfikir.Perubahan dan teori ilmu yang dibawa oleh barat memang banyak kebaikanya dalam kehidupan modern. Di samping

itu kita perlu membentuk salah tanggap tersebut, mengubahsuai dan membina teori ilmu baru supaya kita dapat membebaskan diri daripada cengkaman ilmu barat.

Islam menjadikan akal untuk berfikir tentang tanda-tanda kewujudan dan kekuasaan Allah di muka bumi ini. Ini bermakna setelah manusia berfikir secara merenung dan meneliti, mereka akan merasa bahawa ada suatu kuasa yang Maha Agong yang mentadbir dan mengurus alam ini. Dengan itu, manusia akan merasa dirinya kerdil dan menjadi hamba yang mengenali diri dan Penciptanya. Situasi ini jauh sekali berlaku di Barat, kerana mereka telah memisahkan agama daripada urusan hidup keduniaan. Lantaran itu mereka menjadi sesat dan melakukan kerosakan serta kemungkaran di muka bumi. (al-Quran: 3, 191)

Walaupun pembelajaran berpusatkan pelajar lebih menekankan peranan pelajar sendiri menggunakan kemahiran berfikir dalam menguasai pelajaran, namun guru masih tetap mempunyai peranan yang amat penting terhadap keberkesanan proses P & P. Ini kerana guru adalah *qudwah hasanah* (role model) terdekat dalam memberi bimbingan kepada pelajar. Kewibawaan guru, bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan yang dikuasainya, tetapi juga dari segi karakter atau imej, tingkah laku dan keperibadianya adalah antara aspek yang amat kritikal bagi mewujudkan keyakinan dalam diri pelajar tentang sesuatu perkara yang diajarkan selain penggunaan pelbagai kaedah, teknik dan alat bantu pengajaran. Isu kewibawaan guru ini menjadi lebih signifikan dalam konteks Pendidikan Islam yang mempunyai tujuan utama untuk membentuk generasi pelajar soleh dan musleh dalam kehidupan mereka (Miskawayh, t.t ; Subhan 2013; AlAttas 1999).

## KESIMPULAN

Dalam Islam, berfikir bukan sahaja bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan sebagaimana yang disasarkan oleh Barat, tetapi berfikir merupakan satu elemen penting dalam mencari ilmu bagi mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, sesuai manusia sebagai hamba Allah SWT dan khalifah Allah SWT di alam ini.

Dalam menghadapi isu-isu globalisasi dunia masa kini, Pendidikan Islam tidak terkecuali dari pengaruh dan tekanan globalisasi dunia. Dunia hari ini dan esok sudah tidak lagi memerlukan mereka yang sekadar cekap menulis, menyalin, menghafal dan mengingati sahaja. Dalam perkataan yang lain, dunia hari ini dan esok, memerlukan manusia yang lebih canggih pemikirannya, iaitu manusia yang memiliki kemahiran berfikir di peringkat tinggi, bijaksana dan berfikiran cemerlang. Oleh itu sekolah yang kita perlukan untuk hari ini dan esok, adalah sekolah yang mengajar pelajar-pelajar berfikir, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan-keputusan di tahap tinggi.

Cabaran globalisasi dunia menuntut perubahan dalam pendekatan berfikir agar mengatasi cabaran-cabaran yang terhasil dari proses globalisasi dunia anataranya isu-isu pembinaan akhlak dan sahsiah, kelemahan kawalan sosial, kepincangan dan pemisahan dalam pendidikan, keruntuhan sistem keluarga dan pengaruh media-massa dan hiburan perlu ditangani dengan pendekatan-pendekatan yang ampuh dan mapan.

## RUJUKAN

- Abdul Salam Muhammad Shukri. 2003. *Panduan Mengajar Akidah kepada kanak-kanak.* Penerbit: PTS
- Abdullah Hasan & Ainon Mohd. 2000. *Mendorong kreativiti kanak-kanak:* Panduan guru dan bahan latihan. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abd.Rahim Abd.Rashid.1999. *Kemahiran berfikir merentas kurikulum.* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar.
- Bloom, Benjamin. 1956. *Taxonomy of Education Objectives:* Handbook 1: Congnitif Domain. New York: Dawid Mckay.
- Borich, G.D. 2004. *Effective Teaching Methods.* Edisi ke-5. Upper Saddle River, NJ: Merrill/ Prentice Hall.
- Al-Ghazali.(t.t). *Mizan al-A'mal.* Beirut: al-Ahliyya li'l-Nashr wa'
- Al-Razi. 1968. *Kitab al-Nafs wa al Ruh.* Islamabad: Ma'sumi
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2019. *Biografi fatwa Al-Qaradhawi.* Selangor: Sri Saujana Marketing.
- Al-Zarnuji, Burhanul Islam. 1988. *Ta'lim al-Muta'alim.* Kaherah: Thariq At-Taalam.
- Gardner,H. 2006. *Changing Minds: The Art and Science of Changing Our Own and Other People's Mind.* Boston: Harvard Business School Press
- Hargreves. 2010. *The New Meaning of Educational Change.* Fifth Edition.
- Ismail bin Abas. 2019. Sorotan Literatur dan Metodologi Kajian Islam S3: Suatu Cadangan. *Seminar Bersama Universiti Islam Malang (UNISMA) & Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam. (KUPU SB).* 18 Mac 2019. Malang, Surabaya
- 2019b. Pendidikan Era Revolusi Industri 4.0. Cabaran Akhlak Generasi Z. Seminar Kefahaman Akidah dan Pemikiran Semasa 2019 . *Anjuran Bersama Pusat Kefahaman Ahlu Sunnah wal Jamaah, Fakulti Ushuluddin & Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama, Brunei Darussalam.* 14 & !5 Ogos 2019.
- Jamil Saliba.1973. *Al-Mu'jam al-Falsafi.* Jilid 2. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. 2016 .*Sukatan Pelajaran Ugama Sekolah Menengah.* Barakas .Jabatan Pengajian Islam, KHEU.
- Nik Aziz Nik Pa.1988. *Pelajar Pintas Cergas.* Kajang: Institut Ilmu-Llmu Islam.
- Noor Hisham bin Md Nawi. 2011. *Konsepsualiti Semula Kurikulum Pendidikan Islam.* Tanjung Malim: UPSI
- Miskawayh. t.t .*Tahzib Akhlak.* Kaherah: Thariq At-Taalam.
- t.t. *Kitab al-Sa'aadah.* Kaherah: Thariq At-Taalam

Mohd.Majid Konting. 2013. The Leaning and Teaching Practices in Malaysia Higher Education Institutions: Executive Research Summary.Bandar Enstek: AKEPT

Muhammad Naquib al-Attas. 1999. *The Concept of Education in Islam*. Edisi ke 3.Kuala Lumpur: Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC).

Mulyadhi Kartanegara. 2019. Mengharungi Lautan Ilmu: Sebuah Otobiografi. Jilid 1-7. Jakarta: Centre of Islamic Philosophical Studies and Information (CIPSI).

Saedah Siraj. 2008. *Kurikulum Masa Depan* . Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Siddiq Fadhil. 1992. *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Subahan Mohd.Meerah. 2013. Mentaksir Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Kertas Kerja Seminar Pendidikan Guru Kebangsaan Malaysia. *Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada 1-3 Julai di Hotel Grand Bluewave,Shah Alam. Selangor.*

Stronach,I. 2010. *Globalizing Education,Educating the Local*.London: Routledge

Wan Hasmah Wan Mamat & Nur Munirah Teoh Abdullah. 2015. Kecerdasan Pelbagai. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Zaini Ujang. 2013. Menyuburkan Kembali Jiwa Akademik. Johor Bharu: UTM Press.

Ismail bin Abas\*  
Fakulti Pendidikan,  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,  
Brunei Darussalam.

Pengarang untuk surat menyurat: [ismail.abas@kupu-sb.edu.bn](mailto:ismail.abas@kupu-sb.edu.bn)

Received: 29 September 2021 / Accepted: 19 May 2022 / Published: 20 05 2023